

[JKNPP/02/10/7]



Kepada Semua Ketua Jabatan Negeri,  
**PULAU PINANG.**

**SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI  
BIL. 4 TAHUN 2006**

***Had Maksima Tuntutan Elaun Perjalanan Kenderaan  
Kelas 'D' dan Kelas 'E'***

***(Tambahan kepada Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 3 Tahun 2006)***

**Tujuan**

1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan kadar had maksima tuntutan perjalanan kenderaan Kelas 'D' dan 'Kelas 'E' atas tugas-tugas rasmi bagi Pegawai Kerajaan dalam Pentadbiran Negeri Pulau Pinang.

## **Latar Belakang**

2. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 2006 Elaun Perjalanan Kenderaan. Pekeliling ini meminda kadar Elaun Perjalanan Kenderaan di perenggan 4.7.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil 3 Tahun 2003 dan perenggan 4.8.1 Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2003.

3. Selaras dengan persetujuan menerima pakai pekeling tersebut, maka Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 5 Tahun 2002 tidak lagi berkuatkuasa.

## **Kadar Had Maksima**

4. Kadar had maksima bagi tuntutan perjalanan kenderaan Kelas 'D' dan Kelas 'E' untuk pegawai kerajaan dalam pentadbiran negeri ditetapkan seperti berikut:

Kelas 'D' : RM345.00 sebulan (800 km)

Kelas 'E' : RM305.00 sebulan (750 km)

## **Tarikh Kuatkuasa**

5. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2006.

## **Pembatalan**

6. Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 5 Tahun 2002 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

t.t.

**( DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF )**  
Pegawai Kewangan Negeri,  
Pulau Pinang.

Tarikh : Julai 2006

s.k. Y.A.B. Ketua Menteri,  
**Pulau Pinang.**

Y.B. Setiausaha Kerajaan,  
**Pulau Pinang.**